

Headline **UPNM bangun R&D pertahanan negara**  
Date **19 Jan 2011**  
MediaTitle **Berita Harian**  
Section **Hip**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**  
Page No **I-28**  
Article Size **243 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **10,706**  
PRValue **32,118**



# UPNM bangun R&D pertahanan negara

**Mohd Feroz Abu Bakar**

**U**NIVERSITI Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) akan membantu membangunkan industri pertahanan negara memabitkan teknologi strategik untuk tentera darat, laut dan udara.

Naib Canselornya, Lef-tenan Jeneral Datuk Wira Allatif Mohd Noor, berkata pembangunan industri dengan kerjasama Kementerian Pertahanan dan swasta memabitkan dana daripada kedua-dua pihak.

"Ini satu perkongsian pintar antara sektor awam dengan swasta bagi meningkatkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam industri pertahanan.

"Kita mahu menjadikan UPNM sebagai institusi

paling hadapan dalam R&D bidang pertahanan bagi melonjakkan UPNM sebagai universiti pertahanan perdana," katanya selepas majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) antara UPNM dengan tiga syarikat swasta di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Allatif berkata, MoU UPNM dengan MIMOS Berhad (MIMOS) untuk melaksanakan R&D dalam

teknologi komunikasi maklumat (ICT) dan teknologi

maklumat keselamatan bagi tempoh tiga tahun.

Katanya, projek terbabit ialah komunikasi tanpa wayar, maklumat keselamatan, simulator, mikroelektronik dan semikonduktor.

MoU itu ditandatangani oleh Allatif yang mewakili UPNM dan Ketua Pegawai Operasi MIMOS, Abd Aziz Abdul Kadir mewakili MIMOS.

Allatif berkata, MoU UPNM dengan

Secure Technologies Innovations Sdn Bhd (STI) bertujuan membangunkan projek Inisiatif Simulator Maritim Malaysia (MyMSI) untuk tempoh lima tahun.

"MyMSI adalah simulator pengendalian kapal,

penyelidikan dan latihan dan perkongsian kemudahan latihan," katanya.

MoU itu pula ditandatangani Allatif yang mewakili UPNM, manakala STI oleh Pengarah Urusannya, Mohd Yusof Yacob Carlos.

Allatif berkata, MoU

antara UPNM dengan Skyview Communication and Technologies Sdn Bhd (Skyview) pula bagi membangunkan R&D dalam bidang kenderaan tidak berawak (UAV) untuk tempoh tiga tahun.

"Teknologi UAV ini untuk kegunaan komersial, pertahanan, marin serta operasi mencari dan menyelamat," katanya.

Allatif menandatangani MoU itu bagi pihak UPNM dan Pengarah Urusan Skyview, Zuraidah Abdul Latif mewakili syarikatnya.



ALLATIF (kiri) dan Abd Aziz bertukar dokumen memorandum persefahaman.

ROSELA ISMAIL / BERITA HARIAN